



## SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2015/05/61 (HQ)

### RM18 JUTA UNTUK TENAGA HUB

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** akan membelanjakan sejumlah RM18 juta untuk memberikan wajah baru kepada pusat khidmat pelanggan premiernya yang dikenamakan semula sebagai Tenaga Hub dalam usaha memberikan perkhidmatan pelanggan yang terbaik.

“TNB membelanjakan lebih RM1.5 juta untuk setiap Tenaga Hub dan semua Tenaga Hub ini akan siap sepenuhnya pada 2017,” kata Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili hari ini.

Berucap ketika merasmikan Tenaga Hub Subang di Subang Jaya, beliau berkata 11 lagi Tenaga Hub akan dibina dalam tempoh tersebut dengan tiga daripadanya akan dibuka di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor Bahru tidak lama lagi.

Pada masa yang sama, 133 Kedai Tenaga yang lain di seluruh Semenanjung akan turut diberi nafas baharu dalam skala lebih kecil, untuk keselesaan pelanggan dalam berurusan dengan pihak TNB.

Diperkenalkan seiring dengan aspirasi TNB dalam melaksanakan transformasi menyeluruh Syarikat, Tenaga Hub menampilkan kaunter perkhidmatan, kiosk pembayaran 14 jam, serta khidmat nasihat berkaitan Kecekapan Tenaga (*Energy Efficiency*) menerusi satu sudut khusus – iaitu “*Green Energy Corner*” dan “*Smart I.T. Center*”.

Majlis turut dihadiri Ketua Setiausaha, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), Datuk Loo Took Gee; Ketua Pegawai Eksekutif, Suruhanjaya Tenaga, Datuk Ir. Ahmad Fauzi Hasan; Naib Presiden (Pembahagian) TNB, Datuk Ir. Baharin Din dan Ketua Pegawai Korporat TNB, Datuk Wira Roslan Ab. Rahman serta wakil-wakil pengurusan TNB yang lain.

**Dikeluarkan di Subang Jaya, Selangor pada 12 Mei 2015**

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Md. Derus Bunchit (019-2662296) /  
Teng Yoon Soon (019-293 1228) / Maizatul Nadiah Saadon (017-3816602)  
[media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)